

Headline	Bukan galak seks		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	15 Dec 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	25,000
Page No	46	Readership	75,000
Language	Malay	ArticleSize	147 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 848
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,545



Bukan galak seks

Pendidikan berkaitan Aids perlu didedahkan sejak awal

GEORGETOWN- Perkataan kondom kadangkala cukup ditakuti untuk diperkatakan di sekolah-sekolah.

Itu yang dimaklumkan Timbalan Presiden Majlis Aids Malaysia, Prof Dr Ismail Baba.

Menurutnya, ia berikutan ada segelintir pihak yang berpendapat ia seperti menggalakkan pelajar melakukan hubungan seks.

"Bagaimanapun, mereka perlu berfikir lebih luas kerana pendidikan mengenai HIV dan juga Aids perlu dididik sejak awal lagi iaitu pada zaman remaja.

"Pendedahan awal perlu dilakukan supaya mereka tidak terjebak dengan sebarang kegiatan negatif sehingga masa depan kabur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis persidangan



ISMAIL

Aids dan HIV di Universiti Sains Malaysia (USM).

Ismail sebelum ini bergelar Pengerusi Aids Action & Research AARG USM, bagaimanapun kini beliau sedang berkhidmat di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Sementara itu Konvenor AARG USM, Profesor Madya Dr Azlinda Azman berkata, pendedahan mengenai wa-



AZLINDA

bak tersebut perlu lebih meluas walaupun pada zaman berteknologi tinggi.

Menurutnya, masyarakat terlebih dahulu perlu mengelak diri dari terus memandang negatif kumpulan penghidap HIV.

"Jadi peranan kami juga adalah mendidik masyarakat termasuk turun padang," katanya.